

# 15 juta liter susu tampung keperluan menjelang 2020

**Melaka Tengah:** Negeri ini menyasarkan pengeluaran susu sehingga 15 juta liter bagi membantu menampung keperluan negara menjelang 2020.

Tahun lalu, Melaka mengeluarkan 2.8 juta liter sekali gus muncul negeri kedua terbanyak di Semenanjung selepas Johor.

Pengerusi Jawatankuasa Industri Pertanian dan Asas Tani Negeri, Datuk R Perumal (**gambar**), berkata usaha boleh dicapai menerusi Program Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) yang diperkenalkan Kerajaan Pusat.

Katanya, pada masa ini 80 penternak bergiat aktif negeri ini dengan pemeliharaan sebanyak 1,500 lembu susu.

“Kita yakin usaha ke arah ini (pengeluaran 15 juta liter) boleh dicapai menerusi sokongan Kerajaan Pusat,” katanya selepas merasmikan Bengkel Memperkasa Koperasi Serbaguna Tenusu (KST) Negeri Melaka Berhad, di sini.

Program yang julung kalinya diadakan itu bertujuan memberi kesedaran kepada penternak bagi memastikan produk tenusu mereka bersih dan berkualiti tinggi.

Turut hadir, Ketua Penolong Pengarah Kanan Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Dr Siti Salmiyah Tahir serta Pengerusi KST, Briz Kumar Sukardhanram.

